

1,000 pelajar NTU terima bantuan

LEBIH 1,000 pelajar Universiti Teknologi Nanyang (NTU) meraih bantuan kewangan daripada Pakej Bantuan Covid-19 universiti itu.

Pakej bernilai \$1.5 juta itu diaghkan untuk membantu pelajar yang menghadapi kesukaran kewangan serius dalam suasana pandemik Covid-19.

Untuk menyokong pakej tersebut, NTU juga telah melancarkan mekanisme baru untuk menarik derma dari sumber yang pelbagai selain menggunakan sumber dana awam dan juga sumber universiti itu sendiri.

Pakej bantuan yang ditawarkan biasanya bernilai antara \$500 dan \$3,000 berdasarkan keperluan pelajar tertentu.

Lebih 400 pelajar yang menerima pakej bantuan itu merupakan penerima Dana Keutamaan NTU, yang bertujuan untuk membantu pelajar paling memerlukan di universiti tersebut yang tidak mempunyai sumber bantuan kewangan lain.

Dana tersebut disokong oleh derma-derma peribadi dan sebanyak \$1.5 juta berjaya dikumpulkan dalam tempoh empat bulan.

Antara penderma termasuk fakulti, kakitangan, dan alumni NTU selain pertubuhan seperti Yayasan Lee, GIC Private Ltd, dan Yayasan Ngee Ann Kongsi.

Dana ini juga telah dipadankan dengan geran endowmen dari permerintah yang bernilai \$1.5 juta.